

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/2(17)  
Tarikh : 25 Mac 2024

## KENYATAAN MEDIA

### PERKHIDMATAN ULANG ALIK PERCUMA BUKIT BENDERA SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI (10 - 14 APRIL 2024)

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) dengan kerjasama **Rapid Penang** serta sokongan dari **Kerajaan Negeri Pulau Pinang**, berbesar hati mengumumkan **Perkhidmatan Ulang-alik Percuma Bukit Bendera**. Berikutan beberapa siri yang berjaya pada tahun lepas, PBBPP berbesar hati untuk memanjangkan perkhidmatan ini kepada pengunjung Bukit Bendera sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri yang akan datang.

Objektif utama inisiatif ini adalah untuk **mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan sekitar dan menggalakkan inisiatif hijau untuk mengurangkan pelepasan karbon di kawasan Air Itam.**

Perkhidmatan ulang-alik percuma akan beroperasi selama lima hari bermula dari **10 sehingga 14 April 2024**. Ia akan bermula dari pukul **9.00 pagi sehingga pukul 9.00 malam** dengan kerap lapan perjalanan setiap hari bagi kedua-dua arah pada setiap 1 jam dan 30 minit. Selain itu, bas ulang-alik direka untuk mesra kerusi roda bagi penumpang dengan keperluan kebolehcapaian tertentu.

Penumpang boleh menaiki perkhidmatan ulang-alik di **hentian bas yang terletak di Jalan Ria** untuk sampai ke **Stesen Bawah Bukit Bendera** dan begitu juga sebaliknya. Jadual waktu untuk perkhidmatan ulang-alik boleh didapati di laman sesawang rasmi PBBPP dan platform media sosial (seperti yang dilampirkan).

Penumpang dapat mengenal pasti bas ulang-alik dengan mudah kerana ia akan ditanda dengan jelas sebagai **"Penang Hill Free Shuttle Service"** di dua tempat *pick-up* atau *drop-off* iaitu **Stesen 9 di KOMTAR, terletak di hentian bas Jalan Ria (laluhan bawah sebelah Kiosk Rapid Penang)**, dan **hentian bas di Stesen Bawah Bukit Bendera**. Disamping itu, penumpang boleh dengan mudah mengenal pasti bas dengan tanda **"Penang Hill Free Shuttle Service"** di paparan skrin.

Sekiranya bas ulang alik mencapai kapasiti maksimum, pengunjung digalakkan untuk menaiki **bas Rapid sedia ada bernombor 204 pada kadar biasa** ke Bukit Bendera. Sebagai alternatif, pengunjung boleh menggunakan **GrabCar** dengan kod

promosi "**GRAB2PGHILL**" yang bernilai RM5 setiap satu dan membenarkan maksimum dua penebusan bagi setiap pengguna. Tertakluk kepada terma dan syarat.

Dengan jangkaan peningkatan pengunjung semasa cuti Hari Raya Aidilfitri, Perkhidmatan Ulang-alik Percuma Bukit Bendera bertujuan untuk menangani cabaran tempat letak kereta yang terhad. Terdapat kurang daripada 500 ruang tersedia di tempat letak kereta bertingkat Bukit Bendera dan kawasan sekitar, ditambah pula kenderaan yang diletakkan secara berlebihan di tepi jalan, perkhidmatan ini akan mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Selain mengurangkan kesesakan lalu lintas, perkhidmatan ulang-alik ini bertujuan untuk menambah baik pengalaman pengunjung secara keseluruhan. Ia akan mengurangkan masa perjalanan serta memastikan perjalanan yang lancar untuk pengunjung menikmati keindahan Bukit Bendera tanpa rasa tekanan mencari jalan dan tempat letak kereta

PBBPP menggalakkan pengunjung untuk memanfaatkan sepenuhnya perkhidmatan ulang-alik percuma ini semasa cuti Hari Raya Aidilfitri selari dengan komitmen PBBPP untuk mewujudkan Pulau Pinang yang lebih lestari dan mesra alam.

#TAMAT#

## Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

## Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[wmlim@penanghill.gov.my](mailto:wmlim@penanghill.gov.my)

Ahmad Aizat Bin Khalid  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[aizat@penanghill.gov.my](mailto:aizat@penanghill.gov.my)

Vivien Loo  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[vivienloo@penanghill.gov.my](mailto:vivienloo@penanghill.gov.my)

Lee Shew Yean  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[sylee@penanghill.gov.my](mailto:sylee@penanghill.gov.my)

Tan Lee Ling  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[ltan@penanghill.gov.my](mailto:ltan@penanghill.gov.my)

## Jadual waktu Perkhidmatan Ulang-alik Percuma Bukit Bendera

### PENANG HILL FREE SHUTTLE SERVICE 10 - 14 APRIL 2024

**BUS STOP JALAN RIA (STATION 9 AT KOMTAR) ↔ PENANG HILL LOWER STATION**

Multi-storey Carpark

AIR ITAM → KOMTAR (Bus Stop at Jalan Ria)

PENANG HILL LOWER STATION

Station 9

KOMTAR

BUS STOP JALAN RIA - PENANG HILL LOWER STATION							
9:00 am	10:30 am	12:00 pm	1:45 pm	3:15 pm	4:45 pm	6:15 pm	8:00 pm

PENANG HILL LOWER STATION - BUS STOP JALAN RIA							
9:45 am	11:15 am	12:45 pm	2:30 pm	4:00 pm	5:30 pm	7:15 pm	8:45 pm

**TERMS AND CONDITIONS**

- This free shuttle service is provided on a first come, first served basis.
- The shuttle bus runs every 1.5 hours. Please take note of the schedule timing, especially for the first and last bus of the day.
- Punctuality of the schedule is subject to traffic conditions.

Pick-up/drop-off point at **bus stop Jalan Ria** (underpass next to **Rapid Penang kiosk**)